

Perkeso kaji bantu pencarum beli komputer

BH - 1 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan mengkaji kemungkinan memberi bantuan pembelian komputer kepada pencarumnya, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata, bantuan itu antara kemudahan yang akan di beri kan oleh Perkeso bagi mempopularkan penggunaan komputer dan sebagai pertolongan kepada pencarum sebelum mereka bersara.

Katanya, sementara itu kementerian juga sedang membuat kajian menyeluruh berkaitan cadangan Perkeso mengadakan skim kemudahan pinjaman pembelian rumah yang dijangka siap dalam tempoh tiga bulan.

“Ini semua cadangan yang akan dikaji oleh Perkeso dan ia bergantung kepada jumlah kutipan,” katanya pada sidang akhbar selepas memengerusikan mesyuarat post-Kabinet di kementeriannya di sini, hari ini.

Beliau berkata, kutipan Perkeso yang tidak begitu banyak mungkin menyukarkan pertubuhan itu memberi kemudahan pinjaman rumah dan sebagai bantuan, Perkeso akan memberi kemudahan pinjaman pembelian komputer.

Bagaimanapun katanya, itu tidak bermakna skim kemudahan pinjaman rumah akan dimansuhkan kerana Perkeso sedang berusaha untuk menyediakan kemudahan kepada pencarum.

Mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan untuk pekerja ladang, Fong berkata, pihaknya sedang menyediakan laporan lengkap berhubung perkara itu.

Beliau berkata, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya yang dilantik untuk membuat kajian menyeluruh berhubung isu gaji bulanan pekerja ladang dijangka menyerahkan laporan itu akhir Jun ini.

“Secara dasarnya kerajaan memang sudah bersetuju dan sekarang kita hendak putuskan kadar gaji purata yang akan melegakan pckerja ladang dan pada masa sama mengekalkan daya saing negara ini,” katanya.

Fong berkata, buat masa

ini beliau tidak mahu mengganggu kajian yang dilakukan pihak UM dan akan menunggu sehingga kajian itu selesai sebelum dibentangkan kepada Kabinet.

Katanya, hasil keputusan itu diharap dapat dikemukakan dalam perbincangan dengan Persatuan Pengeluaran Pertanian Malaysia (Mapa).

Ditanya sama ada Perkeso menghantar kenyataan tahunan kepada pencarum, Fong berkata, beliau sudah meminta Perkeso berbuat demikian.

“Saya sudah minta Perkeso menghantar kenyataan itu kepada pencarum tetapi ada masalah yang perlu diatasi seperti data pencarum. Data ini perlu dikemaskinikan sebelum ia dapat dilaksanakan,” katanya.